

31/10/2003

Selalu dapat nombor satu

By Johari Ibrahim

BAGI Saad Abd Rahman, 76, kenangan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika bersama-sama di Sekolah Melayu Seberang Perak dan rumah di Kampung Jalan Kilang Ais, masih lagi segar pada ingatannya.

Kata Saad, Dr Mahathir amat rajin, cukup suka membaca dan sentiasa mendapat kedudukan terbaik dalam kelas.

"Boleh dikatakan nombor satu adalah nombor khas untuknya ketika peperiksaan diumumkan," kata Saad yang bekerja sebagai penarik beca.

Beliau berkata, ketika waktu rehat di sekolah, Dr Mahathir akan masuk ke kelas selepas membeli makanan, dan akan makan sambil menelaah pelajaran yang diajar guru.

"Dr Mahathir tidak menghabiskan masa rehatnya dengan bermain seperti kami yang bermain di padang, malah dia juga tidak pernah dirotan atau didenda membuat ketuk ketampi oleh guru," katanya.

Saad berkata, beliau pernah meminjam wang daripada Dr Mahathir ketika di sekolah. Katanya, Dr Mahathir adalah seorang yang tidak lokek dan memberinya dengan ikhlas.

"Saya masih ingat lagi kata-katanya iaitu 'kalau hang ada duit nak bagi, bagilah tapi tak ada duit tak apalah'," kata Saad.

Dr Mahathir juga tidak sombong dan sering membantu rakan lain yang lemah dalam mata pelajaran.

Katanya, Dr Mahathir adalah seorang yang patuh kepada ibu bapanya. Setiap hari sebaik habis waktu sekolah, beliau dan abangnya, Mahadi akan terus pulang ke rumah dan tidak merayau.

Pada waktu petang pula, katanya, menjadi kewajipan kepada Dr Mahathir untuk mengulangkaji pelajaran di rumahnya sambil diawasi bapanya yang sentiasa memegang rotan.

"Saya yakin kejayaan Dr Mahathir sekarang antaranya disebabkan didikan bapanya yang tegas. Setiap hari, Dr Mahathir perlu mengulangkaji pelajarannya terlebih dulu sebelum dibenarkan bermain bersama kami dan hanya dibenarkan bermain di sekitar halaman rumah.

"Apa yang menakjubkan saya ialah beliau adalah seorang yang unik kerana lebih suka mencipta sesuatu barang itu sampai berjaya.

"Kebanyakan kami mempunyai layang-layang yang dibeli dari kedai tetapi Dr Mahathir cuba membuatnya dengan membeli kertas, mencari buluh sendiri dan membuatnya," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga mencipta tanglung dengan berpandukan tanglung di rumah jirannya yang berbangsa Cina.

Saad berkata, satu sikap Dr Mahathir yang masih kekal sehingga ke hari ini ialah beliau (Dr Mahathir) adalah seorang yang pembersih dan berpakaian kemas.

"Ketika zaman persekolahan dahulu, Dr Mahathir sering mendapat pujian guru kerana pakaian yang bersih dan rambutnya sentiasa berminyak.

"Mungkin tanpa pengetahuan beliau, ramai gadis di kampung kami ketika itu menaruh hati kepadanya kerana ketampanannya," kata Saad yang tersenyum sambil mengimbau kembali kenangan lama.

(END)